

KANGAR, 3 FEB. (BERNAMA) -- +SAYA BELUM PERNAH TENGOK RAKYAT NEGERI PERLIS SEBEGINI RAMAI MENYAMBUT KEDATANGAN SAYA KE SINI.+

ITULAH MUKADDIMAH UCAPAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR.MAHATHIR MOHAMMAD DI PERHIMPUNAN RAKSAKSA MENYAMBUT KETIBAAN BELIAU DI PADANG BANDARAN DI SINI KERANA LAWATAN RASMI DUA HARI KE NEGERI INI BERMULA HARI INI.

KIRA-KIRA 15,000 ORANG, KEBANYAKANNYA ANGGOTA-ANGGOTA PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL PERLIS, MEMBANJIRI PADANG ITU YANG TERLETAK DI HADAPAN HOSPITAL BESAR DI SINI UNTUK MENDENGAR UCAPAN PEMIMPIN NEGARA ITU.

DATUK SERI DR.MAHATHIR BERKATA +SAYA PERNAH JUGA BERKHIDMAT DI HOSPITAL BESAR NEGERI INI DAN SEMASA BERTUGAS DI ALOR SETAR DAN MERAWAT PENDUDUK PERLIS SUATU MASA DULU. INI ADALAH SATU PERHIMPUNAN RAKYAT YANG PALING RAMAI YANG PERNAH SAYA LIHAT.+

YANG HADIR SAMA DI PERHIMPUNAN ITU IALAH MENTERI BESAR DATUK HAJI ALI AHMAD, TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI DATUK RADZI SHEIKH AHMAD, TIMBALAN SPEAKER DEWAN RAKYAT DR.ABDUL HAMID PAWANTEH, ANGGOTA-ANGGOTA MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI, ANGGOTA-ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI DAN ANGGOTA-ANGGOTA PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL.

PERHIMPUNAN ITU JUGA DISIFATKAN OLEH ORANG RAMAI SEBAGAI YANG TERBESAR DALAM SEJARAH NEGERI PERLIS BAGI MENYAMBUT SEORANG PEMIMPIN NEGARA YANG MELAWAT KE SINI. -- BERNAMA.

1949MST 23 02 86